

Persepsi Pelajar Tahun Empat Terhadap Pengajaran Pensyarah Dalam Bahasa Inggeris Di Dua Fakulti, Universiti Teknologi Malaysia

Ahmad Johari Bin Sihes & Nurshila Bt Abdul Razak

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tujuan kajian ini diadakan adalah untuk mengetahui persepsi pelajar UTM terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris. Responden kajian adalah seramai 204 orang pelajar tahun empat yang dipilih daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Pendidikan sesi 2007/08. Instrumen kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik. Ia mengandungi 30 item berbentuk soalan objektif. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = 0.894$. Data-data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS (Statistic Package for the Social Science)* versi 15.0. Analisis yang dibuat diterjemahkan dalam bentuk min, frekuensi dan peratus. Tumpuan kajian ini ialah untuk mengetahui persepsi pelajar UTM terhadap tahap keupayaan pensyarah menarik minat pelajar, kaedah pengajaran pensyarah, penguasaan pensyarah terhadap penyampaian pengajarannya dan cara pensyarah berkomunikasi dengan pelajar dalam bahasa Inggeris. Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris adalah berada pada tahap positif. Hasil ujian-t, mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada persepsi pelajar tahun empat Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Pendidikan terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris.

Katakunci : persepsi pelajar, pengajaran pensyarah

Pengenalan

Tugas utama seorang pensyarah adalah untuk memudahkan pembelajaran para pelajar. Untuk memenuhi tugas ini, pensyarah bukan sahaja harus dapat menyediakan suasana pembelajaran yang menarik dan harmonis, tetapi mereka juga menciptakan pengajaran yang berkesan. Ini bermakna pensyarah perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat merangsangkan minat pelajar di samping sentiasa memikirkan kebajikan dan keperluan pelajar.

McIntosh (1996), dalam pemerhatiannya mendapati bahawa kuliah pada kebiasaannya adalah satu 'proses sehalu' yang tidak disertai dengan diskusi, soalan atau latihan dalam kelas yang menjadikan kuliah kurang berkesan. Dan juga, beliau berpendapat bahawa kebanyakan pensyarah mempelajari cara-cara mengajar adalah daripada pengalaman mereka sendiri semasa menjadi seorang pelajar. Kurangnya latihan untuk menyampaikan kuliah dalam bahasa Inggeris merupakan salah satu masalah yang utama. Pensyarah perlu menarik perhatian pelajar dalam sesuatu pengajaran, aktivitiaktiviti yang dipilih hendaklah yang menarik dan mempunyai potensi yang tinggi untuk membolehkan isi pelajaran dan konsep-konsep dalam bahasa Inggeris yang diterjemahkan secara jelas.

Menurut teori pelbagai kecerdasan Garder, terdapat 8 jenis kecerdasan yang dimiliki oleh insan iaitu logik matematik, linguistik, muzik, intrapersonal, ruang, kinestetik, interpersonal dan kemahiran ahli alamiah. (Ma'rof dalam Norhaslinda, 2001). Beliau menegaskan bahawa seseorang itu cerdas dalam sesuatu jenis kecerdasan tetapi tidak semestinya cerdas pada jenis kecerdasan yang lain. Demi mencapai sesuatu kecerdasan, pensyarah perlu bersedia dengan pelbagai teknik pendekatan pengajaran agar memberi ruang kepada pelajar untuk memperolehi ilmu dengan cara berbeza dan tidak membosankan. Pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran yang perlu dimasukkan dalam kelas. Antaranya pembelajaran kooperatif dan kolaboratif, kaedah

inkuiri, kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer dll. Apabila banyak teknik dan kaedah digabung-jalinkan dengan sepadunya, ia dapat mencernakan pelajar yang mahir berbincang, mengeluarkan idea, saling bekerjasama, mastery learning melalui bimbingan pensyarah yang mahir.

Walaupun peranan pensyarah amat besar untuk melaksanakan pengajaran pembelajaran dalam bahasa Inggeris, ia tidak dapat dilaksanakan jika hanya bergantung semata-mata kepada pensyarah tersebut. Menurut George Brown (1988) dalam Esah (2003), pengajaran berkesan tidak bergantung semata-mata kepada pensyarah sahaja tetapi pelajar-pelajar juga mempunyai tanggungjawab untuk belajar dan perlu ditunjukkan secara eksplisit. Ini akan dapat mewujudkan satu kesedaran kepada pelajar betapa pentingnya sesuatu pengajaran itu. Dalam menghasilkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris yang tinggi, faktor yang utama adalah timbulnya kesedaran dalam diri pelajar-pelajar untuk terlibat sama dalam tugas pembelajaran yang membolehkan mereka memahami perkara yang sedang dipelajari (Paul Ramsden, 1994 dalam Esah, 2003).

Penyataan Masalah

Pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris telah meningkatkan lagi kepentingan perbualan bahasa Inggeris dalam aspek pengajaran dan pembelajaran pelajar dan pensyarah. Pengajaran dan pembelajaran sesetengah subjek utama dalam bahasa Inggeris di institusi pengajian tinggi turut memerlukan kemahiran berbual dalam bahasa Inggeris untuk berinteraksi dengan baik dan selesa antara pensyarah dan pelajar-pelajar lain. Kelemahan dalam perbualan bahasa Inggeris boleh menjejaskan proses pembelajaran pelajar dan juga memberikan kesan kepada perhubungan sosial pelajar dan pensyarah di dalam kuliah. Pelajar tidak berani menyoal kerana tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Ini menyekat pengajaran dan pembelajaran di dalam kuliah.

Kesediaan belajar adalah faktor terpenting yang mendorong pelajar kearah menjalankan aktiviti pembelajaran dengan mudah, seronok dan berkesan. Seseorang pensyarah pula harus memahami dan menggunakan kesediaan belajar pelajar-pelajarnya untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan sepadan dengan kebolehan pelajarnya. Namun begitu, jika seorang pensyarah itu tidak mampu bertutur di dalam bahasa Inggeris dengan lancar dan sempurna sudah pasti set induksi yang merupakan fasa pertama (amat penting) pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang menarik dan hambar. Natiujahnya, minat dan kesungguhan seseorang pelajar menurun sekaligus menghilangkan tumpuan perhatian terhadap aktiviti pengajaran pensyarah. Ini turut menyukarkan pensyarah di dalam proses kawalan kelas kerana kurang tumpuan dan kerjasama dari pelajar. Oleh itu, amat wajar masalah komunikasi ini diselesaikan terlebih dahulu agar pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Kebanyakan subjek memerlukan pelajar menghafal dan memahami pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Pengajaran dalam bahasa Inggeris menyukarkan pelajar untuk memahami dan menguasai subjek tersebut. Ia lebih menyukarkan jika pelajar itu sendiri lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris. Ia boleh menyebabkan pelajar menjadi kurang minat terhadap pembelajarannya. Daya tarikan sesuatu pelajaran amat bergantung kepada kemahiran mengajar dan pengajaran pensyarah (Kamaruddin, 1999). Pensyarah perlu memainkan peranan penting dalam menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk menarik minat pelajar terhadap penguasaan bahasa Inggeris dalam pengajarannya.

Oleh yang demikian, kajian dilakukan untuk mengetahui tahap persepsi pelajar UTM terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris. Ia meliputi aspek keupayaan pensyarah menarik minat pelajar belajar, aspek penggunaan pelbagai kaedah pengajaran, aspek penguasaan penyampaian pensyarah terhadap pengajarannya serta komunikasi antara pensyarah dan pelajar dalam bahasa Inggeris.

Objektif Kajian:

- i. Mengetahui tahap persepsi pelajar terhadap keupayaan pensyarah menarik minat pelajar terhadap pengajarannya dalam bahasa Inggeris.
- ii. Mengetahui tahap persepsi pelajar terhadap kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah semasa menyampaikan pengajarannya dalam bahasa Inggeris.
- iii. Mengetahui tahap persepsi pelajar terhadap penguasaan penyampaian pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris.
- iv. Mengetahui tahap persepsi pelajar terhadap komunikasi antara pensyarah dan pelajar dalam bahasa Inggeris.
- v. Melihat perbezaan tahap persepsi antara pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Pendidikan terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pensyarah-pensyarah terhadap kepentingan penguasaan bahasa Inggeris semasa proses pengajaran. Faktor yang dilihat menerusi kajian ini ialah dari segi persepsi pelajar terhadap keupayaan pensyarah menarik minat pelajar, kaedah pengajaran pensyarah, penguasaan pensyarah terhadap penyampaian pengajarannya dan cara pensyarah berkomunikasi dengan pelajar dalam bahasa Inggeris.

Kajian ini bertujuan menyedarkan pensyarah dan pelajar terhadap kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa globalisasi dan menjadi bahasa pengantaraan antarabangsa yang mempengaruhi kerjaya, pendidikan dan juga latihan kemahiran. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak fakulti untuk memantau dan mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah berfungsi sebagai panduan dalam sesuatu penyelidikan untuk mencapai jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. (Kerlinger, 1973). Ia amat mustahak kepada pengkaji di dalam menentukan hala tuju kajiannya supaya setiap langkah yang perlu diambil semasa proses pelaksanaan kajian tersusun secara sistematik dan boleh direalisasikan.

Kajian yang dijalankan adalah kajian jenis deskriptif, iaitu satu tinjauan secara soal selidik yang mana bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan mendapatkan maklumat mengenai suatu peristiwa yang telah berlaku. Menurut Mohamad Najib (1999), kajian berbentuk ini adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang menerangkan suatu fenomena yang sedang berlaku. Data-data mengenai persoalan kajian diperolehi dengan kaedah soal selidik. Melalui kaedah ini juga, maklum balas terhadap aspek yang dikaji dapat diperolehi secara terus, cepat, menjimatkan masa dan perbelanjaan. Segala maklumat yang diterima ditafsirkan secara kuantitatif.

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mcmillan (1996), populasi ialah satu kumpulan unsur atau kes samada individu, objek atau peristiwa yang menurut kriteria yang spesifik, untuk kita mengeneralisasikan keputusan kajian. Menurut McMillan dan Schumacher (1984), sampel selalunya merujuk kepada subjek. Sampel mengandungi individu yang dipilih daripada kumpulan yang besar, disebut sebagai populasi.

Dalam kajian ini, kaedah persampelan rawak kelompok atas kelompok telah digunakan untuk memilih sampel kajian. Rawak kelompok atas kelompok bermaksud rawak yang dilakukan berdasarkan beberapa peringkat rumpunan kelompok populasi sehingga memenuhi kehendak pengkaji (Mohd Najib, 2003).

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Penyelidik memilih 11 kursus di kedua-dua fakulti secara rawak iaitu 5 kursus di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan 6 kursus di Fakulti Pendidikan. Responden yang dipilih di dalam setiap kursus adalah secara rawak. Jumlah populasi kajian adalah seramai 681 orang pelajar tahun empat bagi kedua-dua fakulti. Daripada populasi tersebut, 204 orang pelajar terpilih sebagai sampel melalui persampelan rawak kelompok atas kelompok iaitu 103 orang pelajar dari Fakulti Pendidikan dan 101 orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Jumlah tersebut merupakan 30 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi. Menurut Mohamad Najib (1999), ada yang menyarankan 30 peratus daripada populasi dan ada yang berkata jumlah 30 peratus sampel sudah memadai. Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan sampel kajian.

Jadual 1: Taburan sampel kajian

Fakulti	Sampel
Pendidikan	103
Kejuruteraan Elektrik	101
Jumlah	204

Instrumen Kajian

Alat yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Satu set borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah maklumat berkaitan latar belakang responden dan bahagian B mengandungi tiga puluh soalan persepsi pelajar-pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris. Pembinaan instrumen ini berdasarkan instrumen yang telah diubahsuai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain. Jadual 2 di bawah menunjukkan bilangan soalan dan taburannya yang terdapat di dalam bahagian B borang set soal selidik.

Penyelidik menggunakan Skala Likert Lima Aras untuk pilihan jawapan bagi setiap soalan. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan skala kadar. Soalan skala kadar menggunakan kaedah Likert di mana responden memilih jawapan daripada satu kontinum (ekstrem ke ekstrem). Jadual 3 menunjukkan perlaksanaan kaedah Skala Likert.

Jadual 2 : Jadual Taburan Soalan

Bil	Konstruk	Bilangan soalan	Nombor soalan
1	Pensyarah berkeupayaan menarik minat pelajar dalam bahasa Inggeris	8	1,2,3,4,5,6,7,8
2	Pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajarannya dalam bahasa Inggeris	8	9,10,11,12,13,14,15,16
3	Pensyarah menguasai penyampaiannya dalam bahasa Inggeris	8	17,18,19,20,21,22,23,24
4	Pensyarah berkomunikasi dengan pelajar dalam bahasa Inggeris	6	25,26,27,28,29,30.

Jadual 3 : Perlaksanaan Kaedah Skala Likert

Skala Likert	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (ST)	5

Mohd Najib (1999)

Kajian Rintis

Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji instrumen dari segi isi kandungan, kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang diukur (Mohd Najib Ghafar, 1998). Manakala kebolehpercayaan pula ialah ketekalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara dimana skor yang sama atau hampir sama diperolehi apabila dilaksanakan sebanyak dua kali pada subjek yang sama (Syaharam Abdullah, 1990).

Kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan *Alpha Cronbach*. *Alpha Cronbach* merupakan realibility coefficient atau pekali kebolehpercayaan yang menunjukkan bagaimana item-item kajian berhubung antara satu sama lain. Jika nilai Alpha menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaannya amat tinggi, baik dan berkesan. Jika antara 0.6 hingga 0.7, ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik (Majid 2000).

Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), berpendapat bahawa kajian yang mencapai nilai alpha lebih dari 0.6 adalah mempunyai kebolehpercayaan soalan yang boleh diterima. Walaubagaimanapun, beberapa item soalan telah diubah dari segi tatabahasanya bagi menghasilkan soalan yang benar-benar difahami oleh responden tanpa kekeliruan.

Di dalam kajian ini, penyelidik telah memilih 10 orang pelajar tahun empat Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UTM sebagai responden bagi kajian rintis. Menurut Najib (1999), saiz sampel kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian (6 – 9 orang). Berdasarkan analisis kajian rintis yang telah dibuat, nilai *Alpha Cronbach* yang didapati adalah 0.894 dan ia berada di tahap sangat baik. Ini menunjukkan soal selidik itu boleh digunakan dan tidak perlu diubah.

Analisis Keseluruhan

Jadual 4 menunjukkan taburan min dan ujian-t persoalan kajian bagi persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris.

Jadual 4 : Analisis min setiap item bagi keseluruhan persoalan kajian.

Bil	Persoalan kajian	Analisis Deskriptif (Skor Min)		Analisis Inferensi (ujian-t)	
		Purata Min	Tahap	Signifikan	Perbezaan
1	Apakah tahap keupayaan pensyarah menarik minat pelajar terhadap pengajarannya dalam bahasa Inggeris?	3.50	Positif	-	-
2	Apakah tahap kepelbagaian kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah semasa menyampaikan pengajarannya dalam bahasa Inggeris?	3.86	Positif	-	-
3	Apakah tahap penguasaan pensyarah terhadap penyampaian pengajarannya dalam bahasa Inggeris?	3.78	Positif	-	-
4	Apakah tahap komunikasi antara pensyarah dan pelajar dalam bahasa Inggeris?	3.57	Positif	-	-
5	Adakah terdapat perbezaan antara tahap persepsi pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Pendidikan terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris?	-	-	0.660	Tiada

Hasil analisis deskriptif bagi persoalan kajian 1 hingga persoalan kajian 4 menunjukkan keseluruhan min purata bagi setiap persoalan kajian berada pada tahap positif. Persoalan kajian 2, persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam menyampaikan pengajarannya dalam bahasa Inggeris mencatat min purata tertinggi iaitu 3.86. Manakala persoalan 2 iaitu pensyarah menguasai pengajaran dalam bahasa Inggeris mencatatkan min kedua tertinggi dengan skor min purata 3.78. Ia diikuti min purata ketiga tertinggi iaitu persoalan kajian 4 yang menyatakan pensyarah berkomunikasi dengan pelajar dalam bahasa Inggeris mendapat skor min purata 3.57. Min purata persoalan kajian yang terendah iaitu persoalan kajian 1 iaitu keupayaan pensyarah menarik minat pelajar dalam bahasa Inggeris yang mendapat min purata 3.50. Hasil analisis inferensi iaitu ujian-t menyatakan tidak terdapat perbezaan antara persepsi pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Fakulti Pendidikan terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris.

Rumusan

Bagi perbincangan tujuan yang ditetapkan, satu kajian telah dijalankan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik lebih praktikal serta dapat mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana (Mohd Majid, 1990). Sampel kajian yang terlibat ialah seramai 204 pelajar yang terdiri daripada pelajar Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden dan Bahagian B adalah berkaitan untuk mengetahui persepsi

pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris. Skala pemeringkatan Likert 5 mata ini kemudiannya digabungkan menjadi 3 pemeringkatan untuk memudahkan analisis digunakan bagi memudahkan data-data dianalisis. Data-data dianalisis berasaskan statistik kekerapan dan peratusan serta min dengan menggunakan *Statistical Package for Science Social (SPSS) Version 15.0 for Windows*.

Soal selidik yang digunakan mengandungi item-item yang menghuraikan persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris dalam beberapa aspek yang telah ditentukan, iaitu keupayaan pensyarah menarik minat pelajar, kaedah pengajaran pensyarah, penguasaan penyampaian pensyarah, cara pensyarah berkomunikasi dengan pelajar dan perbezaan persepsi diantara pelajar Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris.

Hasil dapatan mendapati tahap persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah adalah berada pada tahap positif. Persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris dibahagikan kepada empat aspek iaitu keupayaan pensyarah menarik minat pelajar, kaedah pengajarannya dalam penyampaian pengajaran, penguasaan terhadap penyampaian pengajarannya dan komunikasi dengan pelajar dalam bahasa Inggeris.

Secara keseluruhannya, pensyarah telah menguasai pengajarannya dalam bahasa Inggeris. Berdasarkan dapatan kajian, skor min keseluruhan persoalan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris adalah berada pada tahap positif. Ini menunjukkan pensyarah mempunyai pengetahuan bahasa yang tinggi dan mampu bercakap serta meyakinkan pelajar dengan baik dan berkesan.

Sementara itu, bagi perbezaan persepsi pelajar diantara Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan diantara keduanya. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara persepsi pelajar dikedua-dua fakulti terhadap pengajaran pensyarah dalam bahasa Inggeris. Ini menunjukkan pensyarah dikedua-dua fakulti menggunakan pendekatan yang hampir sama dalam pengajaran mereka.

Rujukan

- Aziz Nordin (2005). Student's Perception On Teaching Learning Mathematics In English. *Buletin Fakulti Pendidikan UTM*. 14 (1) : 39 - 47.
- Bochner, Stephen (1996). *The British Journal of Educational Psychology: The Learning Strategies of Bilingual versus Monolingual*. 11(3-4): 279-295.
- Cobb, K.J. (1998). *Facilitating Second Language Acquisition Through Computer assisted Language Learning*. ESOL Resource Guide.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hassan Mohd. Noor dan Noor Azam Shairi (2005, 3 April). *Melayu Tidak Akan Tercicir Penguasaan Bahasa Inggeris Saintifik Akan Mengangkat Martabat Bangsa*. Utusan Malaysia. p2
- Kamaruddin Hussin (1999). *Psikologi Bilik Darjah : Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distributors Sdn. Bhd.
- Lokman A. Wahid (2003). *Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran Mata Pelajaran Opsyen Di Maktab Perguruan*. Institut Bahasa Melayu Malaysia. Kuala Lumpur, diperolehi pada Januari 20, 2008 daripada <http://www.mpbl.edu.my/inter/penyelidikan/seminarpapers/2003/lokmanIBMMk>

- Mazlah (2005). *Meningkatkan pencapaian & motivasi penggunaan bahasa Inggeris melalui kaedah pembentangan soalan esei dalam mata pelajaran Biologi*. Kolej Matrikulasi Melaka.
- McIntosh N. 1996. *Why Do We Lecture?* JHPIEGO Strategy Paper 2. JHPIEGO Corporation :Baltimore, Maryland.
- Mc Millan, J.H & Schumacher, S. (1984). *Research In Education*. Boston : Little, Brown & Company Limited.
- Nur`Ashiqin Bt Najmuddin (2005). *Pengaruh kerisauan pelajar terhadap pencapaian Matematik dalam bahasa Inggeris* . Kolej Matrikulasi Melaka.
- Persatuan Linguistik Malaysia (2005). *Isu Pengajaran Sains & Matematik Dalam Bahasa Inggeris*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rust, L. W. (1997). *Interest: Motivation in Education*. New York : Academic Press.
- Siti Zamani Thamby, Salwana Md. Ali (2005). *Masalah penyampaian pengajaran dan pembelajaran kimia dalam bahasa Inggeris di kalangan pensyarahpensyarah Kolej Matrikulasi Melaka (KMM)*. Kolej Matrikulasi Melaka.
- T. Iskandar (1970). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. DBP
- The Living Webster Encyclopedia Dictionary of The English Language : With a Historical Sketch of the English Language (1973). Chicago: The English Language Ins.
- Tan Sri Wira Abdul Rahman, Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM. (2000, 23 November). *Melayu Ketinggalan Tanpa Bahasa Inggeris*. Utusan Malaysia.p-3.
- Yeoh Cheng Choo (2000). *Persepsi Pelajar Sekolah Menengah Teknik Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Inggeris*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.